

ANALYSIS OF IBN AL-MUNAYYIR'S THOUGHTS ABOUT DEBT IN THE BOOK OF AL-MUTAWARI 'ALA ABWAB AL-BUKHARI

ANALISIS PEMIKIRAN HADITH IBN AL-MUNAYYIR MENGENAI HUTANG DALAM KITAB AL-MUTAWARI 'ALA ABWAB AL-BUKHARI

Nik Mohd Zaim Ab Rahimiⁱ & Ishak Suliamanⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL). nmzaim.kl@utm.my

ⁱⁱ Professor Madya, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM). ishakhs@um.edu.my

Abstract	<i>This article aims to trace the thought of hadith by Ibn al-Munayyir (w683H) in the book al-Mutawari 'Ala Abwab al-Bukhari. The al-Mutawari book is among the best books produced by scholars in providing explanation of Sahih al-Bukhari, the al-Bukhari's work which is seen to achieve its two objectives of compiling a collection of authentic hadiths that conform to the terms it holds and making Sahih al-Bukhari as a scientific work containing istinbat and views in various Islamic sciences. This article aims to highlight the thought of hadith by Ibn al-Munayyir in explaining the analysis of tarjuman Sahih al-Bukhari with the focus on al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun chapter. Content analysis methods are used to obtain data while inductive and deductive methods are used to analyze data. It is obvious that Ibn al-Munayyir can be considered among the pioneers who highlighted the thoughts and analysis of the chapters in order to give a clear understanding of the chapter and contents of Sahih al-Bukhari.</i> Key words: Hadith, thought, debt, al-Bukhari, authentic.
Abstrak	<i>Artikel ini bertujuan menelusuri pemikiran hadith Ibn al-Munayyir (w683H) dalam kitab al-Mutawari 'ala Abwab al-Bukhari. Kitab al-Mutawari antara kitab terunggul dihasilkan oleh ulama dalam memberikan penjelasan terhadap Sahih al-Bukhari karya al-Bukhari yang dapat dilihat mencapai dua objektif penyusunannya iaitu mengumpul koleksi hadith sahih yang terpilih yang menepati syarat-syarat yang dipegangnya dan menjadikan Sahih al-Bukhari sebagai karya ilmiah yang mengandungi istinbat dan pandangan dalam pelbagai ilmu Islam. Untuk itu, artikel ini bertujuan mengetengahkan pemikiran hadith Ibn al-Munayyir dalam memberikan penjelasan terhadap tarjuman bab Sahih al-Bukhari dengan tumpuan kepada kitab al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun. Metode analisis kandungan digunakan bagi mendapatkan data sementara metode induktif dan deduktif digunakan untuk menganalisis data. Jelasnya, Ibn al-Munayyir boleh dianggap antara tokoh perintis yang mengetengahkan pemikiran tarjuman bab dalam usaha memberikan kefahaman yang jelas terhadap tajuk bab dan isi kandungan Sahih al-Bukhari.</i> Kata kunci: Hadith, pemikiran, hutang, al-Bukhari, sahih.

PENDAHULUAN

Artikel ini bertujuan menelusuri pemikiran hadith Ibn al-Munayyir menerusi kitab *al-Mutawari 'ala Abwab al-Bukhari*. Penyusunan kitab *al-Mutawari* adalah respon Ibn al-

Munayyir terhadap kaedah dan cara bagaimana memahami maksud tajuk-tajuk bab hadith susunan Imam al-Bukhari iaitu *Sahih al-Bukhari*. Untuk itu, penelitian ditumpukan kepada tema *al-dayn* atau hutang dalam kitab *al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun wa al-Hajar wa al-Taflis* dalam *Sahih al-Bukhari*. Artikel ini juga berusaha menonjolkan kegigihan Ibn al-Munayyir dalam memahami ketajaman pemikiran fiqh al-hadith Imam al-Bukhari mengenai tema hutang.

BIOGRAFI RINGKAS IBN AL-MUNAYYIR

Ibn al-Munayyir atau nama penuhnya adalah Ahmad bin Muhammad bin Mansur bin Abi al-Qasim al-Jarawi al-Judhami al-Iskandari al-Abyari. Beliau dilahirkan di Iskandariyyah, Mesir pada 3 Zulhijjah tahun 620H. Beliau terkenal dengan nama Ibn al-Munayyir dan nasab al-Judhami merujuk kepada satu kabilah yang menetap di Syam. Gelaran beliau ialah Nasir al-Din Abu al-'Abbas. Antara gurunya yang terkenal ialah bapanya, Muhammad bin Mansur al-Judhami, Abu Bahr 'Abd al-Wahhab bin Rawwah al-Tusi dan al-Jamal Abu 'Amru bin al-Hajib. Manakala murid beliau yang terkenal antaranya ialah Ibn Rashid al-Qadi dan Abu Hayyan (Ibn al-Munayyir, 1987: 25).

Dari sudut akidah, beliau bukan daripada aliran Salafi. Pemikiran akidah beliau dapat dilihat dalam Kitab al-Tauhid, Bab no. 359 dan 360 iaitu ketika mengulas mengenai firman Allah SWT ayat 58 Surah al-Dharyat yang selaku tajuk kepada Bab no. 359 dengan menyatakan hadith riwayat Abu Musa tersebut adalah menepati ayat al-Quran terhadap dua sifat Allah iaitu al-Razzaq dan al-Quwwah (Ibn al-Munayyir, 1987: 421-422). Namun penyunting kitab ini, 'Ali Hasan 'Ali 'Abd al-Hamid menyatakan takwil sedemikian bersalahan dengan pegangan ulama salaf (Ibn al-Munayyir, 1990: 421).

Sementara dari sudut fiqh pula beliau bermazhab Maliki namun beliau seorang yang terbuka, bukan fanatik mazhab. Terjemahan mengenainya yang bermazhab Maliki ada disebutkan dalam kitab *Tabaqat al-Malikiyyah*. Pandangan fiqh Malikinya turut diserlahkan dalam beberapa Bab dalam kitab al-Mutawari (Ibn al-Munayyir, 1987:26).

Beliau meninggal dunia akibat diracun pada pada hari Jumaat, awal bulan Rabi' al-Awal tahun 683 H ketika berusia 63 tahun dan disemadikan bersebelahan kubur ayahnya di al-Jami' al-Gharbi, Iskandariah (Ibn al-Munayyir, 1990:15).

KARYA-KARYA IBN AL-MUNAYYIR

Ibn al-Munayyir telah menghasilkan penulisan dalam pelbagai bidang. Antaranya ialah *al-Insaf fi al-Kashshaf*. Kitab ini merupakan bantahan beliau terhadap kitab *Tafsir al-Kashshaf* oleh al-Zamakhshari yang beraliran Muktazilah. Karya kedua, kitab *al-Iqtifa' fi Fada'il al-Mustafa*. Seterusnya, kitab tafsir, *al-Bahr al-Kabir fi Nukhab al-Tafsir*, kitab *Diwan Khitab*, *Mukhtasar al-Tahdhib li al-Baghawi* dan lain-lain.

Kitab Al-Mutawari 'Ala Abwab Al-Bukhari

Kitab al-Mutawari 'ala Abwab al-Bukhari Ibn al-Munayyir adalah karya mengenai tarjuman bab Imam al-Bukhari dalam Sahih al-Bukhari. Ibn al-Munayyir meringkaskan Sahih al-Bukhari dengan tumpuan kepada tarjuman bab sebagaimana metode penyusunan Sahih al-Bukhari. Penyunting manuskrip kitab al-Mutawari, 'Ali Hasan 'Ali 'Abd al-Hamid menyebutkan bahawa Ibn al-Munayyir menamakan kitabnya dengan al-Mutawari sebagai peringatan terhadap makna yang tersembunyi yang dikemukakan oleh al-Bukhari menerusi Kitab dan Bab dalam Sahih al-Bukhari (Ibn al-Munayyir, 1990: 16).

Terdapat kekeliruan dalam kalangan ulama mengenai penulis kitab al-Mutawari ini. Ini kerana Ibn al-Munayyir atau Nasir al-Din ibn al-Munayyir mempunyai adik yang bernama Zayn al-Din Ibn al-Munayyir juga menyusun kitab yang sama judul. Nasir al-Din juga dikenali sebagai Ibn al-Munayyir al-Kabir manakala adiknya, Zayn al-Din dikenali sebagai Ibn al-Munayyir al-Saghir. Kekeliruan ini dapat dirungkaikan dengan hasil penelitian Fu'ad Sezkin dalam Tarikh al-Turath al-'Arabi yang menyatakan kitab al-Mutawari 'ala *Tarajim Abwab al-Bukhari* bagi Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Mansur al-Munayyir al-Iskandari (w683H) dan menjelaskan bahawa naskhah tersebut

ditemui di Bayazid yang mengandungi 113 helaian dan ia ditulis pada kurun kelapan Hijrah (Ibn al-Munayyir, 1987: 15).

Kitab *al-Mutawari* ini juga dikenali sebagai *Munasabat 'ala Tarajim al-Bukhari*. Untuk penulisan ini, penulis merujuk kepada kitab *al-Mutawari* versi terbitan Maktab al-Mi'ala, Kuwait cetakan tahun 1987 dan al-Maktab al-Islami, Beirut cetakan tahun 1990. Nama kitab *al-Mutawari* juga pada judul kedua penerbitan di atas adalah berbeza. Bagi terbitan al-Maktab al-Islami, Beirut menggunakan judul *al-Mutawari 'ala Abwab al-Bukhari* dan disunting oleh 'Ali Hasan 'Ali 'Abd al-Hamid. Ia setebal 492 halaman. Menurut 'Ali Hasan 'Ali 'Abd al-Hamid selaku pentahqiq kitab tersebut, ia berpandukan kepada manuskrip yang diperoleh daripada perpustakaan gurunya, al-Shaykh al-'Allamah 'Ata' Allah Hanif al-Fujiani dari Pakistan. Manuskrip yang kemudian diijazahkan oleh gurunya kepada beliau itu setebal 126 halaman dengan saiz 10 x 23 inci dengan tulisan khat nasakh (Ibn al-Munayyir, 1990:20). Penyunting juga menyebutkan bahawa terdapat manuskrip lain yang disebutkan oleh Fu'ad Sezkin dalam *Tarikh al-Turath al-'Arabi* dan naskhah tersebut terdapat di Bayazid, Turki mengandungi 113 helaian dan ia ditulis pada kurun kelapan Hijrah (Ibn al-Munayyir, 1990: 21), namun beliau tidak memperoleh salinan manuskrip tersebut.

Naskah terbitan Maktab al-Mi'ala, Kuwait pula menggunakan judul *al-Mutawari 'ala Tarajim Abwab al-Bukhari* disunting oleh Salah al-Din Maqbul Ahmad. Ia mempunyai 457 halaman. Salah al-Din Maqbul Ahmad selaku pentahqiq kitab ini juga menjadikan manuskrip al-Shaykh al-'Allamah 'Ata' Allah Hanif al-Fujiani sebagai asas kepada kerja-kerja penyuntingan (Ibn al-Munayyir, 1987: 21). Ini bermakna kedua penyunting manuskrip kitab *al-Mutawari* menggunakan manuskrip yang sama iaitu naskah daripada al-Shaykh al-'Allamah 'Ata' Allah Hanif al-Fujiani. Penelitian dibuat terhadap kedua-dua kitab tersebut pada permulaan penulisan kitab oleh Ibn al-Munayyir mendapati ia ditulis *al-Mutawari 'ala Abwab al-Bukhari* dan tiada penambahan perkataan *tarajim* sebagaimana edisi tahqiq oleh Salah al-Din Maqbul Ahmad.

Kitab *al-Mutawari* ini diringkaskan oleh Badr al-Din ibn Jama'ah (w734 H) dengan judul *Munasabah Tarajim al-Bukhari*. Selain ringkasan, kitab *al-Mutawari* ini juga ada disyarahkan oleh Shaykh Wali Allah al-Dihlawi (w1186H/1762) dengan judul *Risalah Sharh Tarajim Abwab Sahih al-Bukhari* dan Muhammad Zakariya bin Yahya al-Kandahlawi (w1982) dengan judul *al-Abwab wa al-Tarajim li Sahih al-Bukhari*.

Sistematika Penyusunan Kitab al-Mutawari

Penelitian terhadap kitab *al-Mutawari* mendapati Ibn al-Munayyir (1990:490) telah memuatkan 71 kitab sahaja dalam *Sahih al-Bukhari*, berbanding jumlah asal adalah sebanyak 97 buah kitab. Beliau juga meringkaskan bab-bab yang terdapat dalam kitab-kitab tersebut. Sebagai contoh kitab *al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun*, beliau mengekalkan enam bab sahaja daripada 20 bab yang asal sebagaimana terdapat dalam Sahih al-Bukhari (al-Bukhari, 1403H: 2: 171 & Ibn al-Munayyir, 1990: 272).

Dalam menyusun kitab *al-Mutawari*, Ibn al-Munayyir menggunakan kaedah berikut:

- i. Menyatakan nama surah dan nombor ayat.
- ii. Menyatakan sumber hadith dan athar daripada Sahih al-Bukhari.
- iii. Mengemukakan tajuk asal.
- iv. Mengemukakan nama bab.
- v. Memberikan komentar yang jelas terhadap perkataan-perkataan yang sukar difahami (*al-ghamidah*).
- vi. Membuat penambahan iaitu menjelaskan sebahagian perkara penting dan memasukkan sesuatu yang gugur dalam penulisan kitab (Ibn al-Munayyir, 1990: 21).
- vii. Mengemukakan hadith-hadith yang berkaitan dengan bab tanpa meletakkan nombor hadith. Nombor hadith diletakkan oleh penyunting. Peletakan nombor hadith ini adalah bergantung kepada penyunting manuskrip sebagaimana yang

disebutkan oleh 'Ali Hasan 'Ali 'Abd al-Hamid (Ibn al-Munayyir, 1990: 21) dan Salah al-Din Maqbul Ahmad (Ibn al-Munayyir, 1987: 22).

PEMIKIRAN HADITH IBN AL-MUNAYYIR TERHADAP HADITH HUTANG DALAM KITAB *AL-ISTIQRAD WA AL-DUYUN*

Analisis terhadap pemikiran hadith dan tarjuman bab Ibn al-Munayyir ini berdasarkan kepada kitab *al-Mutawari* kedua-dua edisi yang disebutkan di atas. Ibn al-Munayyir meringkaskan hadith-hadith dalam Kitab al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun wa al-Hajar wa al-Tafliis *Sahih al-Bukhari* daripada 20 Bab kepada 6 Bab sahaja. Jadual 1 di bawah memaparkan tajuk-tajuk bab tersebut.

Jadual 1: Tarjuman Bab Ibn al-Munayyir

Bil.	Matan Hadith	Tajuk Bab	No. Hadith (Asal)
1	{ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: غَزَوْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كَيْفَ تَرَى بَعِيرَكَ أَتَبِيعُهُ؟ قُلْتُ: نَعَمْ، فَبِعْتُهُ إِيَّاهُ، فَلَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ، غَدَوْتُ إِلَيْهِ بِالْبَعِيرِ، فَأَعْطَانِي ثَمَنَهُ }	بَابُ مَنْ اشْتَرَى بِالْذِّينِ	2835
2	{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ، وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ }	بَابُ مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَوْ إِتْلَافَهَا	2837
3	{ أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَخْبَرَهُ: أَنَّ أَبَاهُ قُتِلَ يَوْمَ أُحُدٍ شَهِيدًا، وَعَلَيْهِ دَيْنٌ، فَاشْتَدَّ الْغُرَمَاءُ فِي حُقُوقِهِمْ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَسَأَلْتُهُمْ أَنْ يَقْبَلُوا تَمَرَ حَائِطِي وَيُحْلِلُوا أَبِي، فَأَبَوْا، فَلَمْ يُعْطِهِمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَائِطِي، وَقَالَ: سَنَعُدُّو عَلَيْكَ، فَعَدَّا عَلَيْنَا حِينَ أَصْبَحَ، فَطَافَ فِي النَّحْلِ وَدَعَا فِي ثَمَرِهَا بِالْبَرَكَةِ، فَجَدَدْتُهَا، فَقَضَيْتُهُمْ، وَبَقِيَ لَنَا مِنْ ثَمَرِهَا }	بَابُ: إِذَا قَضَى دُونَ حَقِّهِ أَوْ حَلَّلَهُ فَهُوَ جَائِزٌ	2395

4	{ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّهُ أَخْبَرَهُ: أَنَّ أَبَاهُ تُوفِّيَ وَتَرَكَ عَلَيْهِ ثَلَاثِينَ وَسُقًا لِرَجُلٍ مِنَ الْيَهُودِ، فَاسْتَنْظَرَهُ جَابِرٌ، فَأَبَى أَنْ يُنْظَرَهُ، فَكَلَّمَ جَابِرٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَشْفَعَ لَهُ إِلَيْهِ، فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَلَّمَ الْيَهُودِيَّ لِيَأْخُذَ ثَمَرَ نَخْلِهِ بِالَّذِي لَهُ، فَأَبَى، فَدَخَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّخْلَ، فَمَشَى فِيهَا، ثُمَّ قَالَ لِحَابِرٍ: جُدَّ لَهُ، فَأَوْفٍ لَهُ الَّذِي لَهُ، فَجَدَّهُ بَعْدَمَا رَجَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَوْفَاهُ ثَلَاثِينَ وَسُقًا، وَفَضَّلَتْ لَهُ سَبْعَةَ عَشَرَ وَسُقًا، فَجَاءَ جَابِرٌ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيُخْبِرَهُ بِالَّذِي كَانَ، فَوَجَدَهُ يُصَلِّيَ الْعَصْرَ، فَلَمَّا انْصَرَفَ أَخْبَرَهُ بِالْفَضْلِ، فَقَالَ: أَخْبِرْ ذَلِكَ ابْنَ الْخَطَّابِ، فَذَهَبَ جَابِرٌ إِلَى عُمَرَ فَأَخْبَرَهُ، فَقَالَ لَهُ عُمَرُ: لَقَدْ عَلِمْتُ حِينَ مَشَى فِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيُبَارِكَ فِيهَا }	بَابُ إِذَا قَاصَّ أَوْ جَاوَزَهُ فِي فَهُوَ جَائِزٌ	2396
5	{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ أَدْرَكَ مَالَهُ بِعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ - أَوْ إِنْسَانٍ - قَدْ أَفْلَسَ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ مِنْ غَيْرِهِ }	بَابُ: إِذَا وَجَدَ مَالَهُ عِنْدَ مُفْلِسٍ	2402
6	{ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: أَعْتَقَ رَجُلٌ غُلَامًا لَهُ عَنْ دُبُرٍ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ يَشْتَرِيهِ مِنِّي؟، فَاشْتَرَاهُ نَعِيمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ، فَأَخَذَ ثَمَنَهُ، فَدَفَعَهُ إِلَيْهِ }	بَابُ مَنْ بَاعَ مَالَ الْمُفْلِسِ	2403

Rasionalisasi Pemilihan Bab

Berdasarkan Jadual 1 di atas, enam Bab yang dipilih oleh Ibn al-Munayyir daripada 20 Bab yang asal sebagaimana dalam Kitab Sahih al-Bukhari adalah berdasarkan pengamatan dan kesimpulan beliau terhadap tema-tema hadith yang dikemukakan imam al-Bukhari. Bab-bab tersebut sebagaimana berikut:

No. Hadith	Tajuk Bab	Tema
2385	بَابُ مَنْ اشْتَرَى بِالذِّينِ	Keharusan Berhutang

2387	بَابُ مَنْ أَحَذَّ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَوْ إِيْلَافَهَا	Ada niat untuk membayar hutang
2395	بَابُ: إِذَا قَضَى دُونَ حَقِّهِ أَوْ حَلَّلَهُ فَهُوَ جَائِزٌ	Bayaran hutang kurang daripada jumlah asal
2396	بَابُ إِذَا قَاصَّ أَوْ جَاوَزَهُ فِي فَهُوَ جَائِزٌ	Jual beli / berhutang sesuatu yang diketahui dan jelas sifatnya
2402	بَابُ: إِذَا وَجَدَ مَالَهُ عِنْدَ مُفْلِسٍ	Pemiutang berhak mendapatkan hutang daripada penghutang muflis
2403	بَابُ مَنْ بَاعَ مَالَ الْمُفْلِسِ	Penjualan harta penghutang muflis untuk melunaskan hutang

Tegasnya, pemilihan enam Bab tema di atas adalah menepati tajuk kitab *al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun wa al-Hajar wa al-Taflis* Sahih al-Bukhari yang menyentuh empat tema besar iaitu perihal berhutang, pelunasan hutang, penahahan hutang dan muflis.

Analisis Pemikiran Hadith Ibn al-Munayyir

Perbincangan berikut mengemukakan analisis pemikiran Ibn al-Munayyir terhadap tarjuman bab hadith-hadith dalam tema hutang.

Subtajuk Pertama

Subtajuk atau Bab pertama sebagai contoh, Bab (بَابُ مَنْ اشْتَرَى بِالْذِّينِ) (Orang yang membeli secara hutang memiliki harganya (wang) atau tidak membawanya). Dalam Sahih al-Bukhari dikemukakan dua buah hadith iaitu hadith no. 2385 dan 2386 namun dalam al-Mutawari, Ibn al-Munayyir mengemukakan hadith no. 2385 sahaja. Tujuannya ialah untuk menunjukkan keharusan transaksi jual beli secara hutang sekalipun pembeli mempunyai wang dan tidak membawanya. Kata Ibn al-Munayyir, “Penetapan dalil dari hadith tersebut adalah jika Nabi SAW membawa wang untuk membayar (harga unta Jabir), maka Baginda tidak akan menunda pembayarannya. Demikian juga dengan harga makanan. Sekiranya Nabi SAW memiliki wang bersamanya ketika itu, tentu Baginda tidak berhutang kerana Baginda sentiasa segera menunaikan apa yang wajib ditunaikan” (al-‘Asqalani, t.th. 5: 53).

Ibn al-Munayyir menyebut, “Dalam tarjuman bab itu ada penyimpangan, kerana adalah harus meminjam dan mendapatkan manfaat dengan hutang bagi orang yang tiada komitmen pelunasan hutang (yang lain), termasuk dalamnya adalah orang yang tidak mampu untuk menjelaskan hutang, apabila penjual atau peminjam tidak mengetahui akan halnya, inilah suatu penipuan. Sedangkan yang disebutkan dalam hadith tidak begitu, untuk memastikan kemampuan Nabi SAW menjelaskan hutang sebagaimana dilakukan (akad jual beli secara hutang tersebut) (1990:272).

Ibn al-Mulaqqin (1429H/2008. 15: 399) menjelaskan bahawa para ulama bersepakat mengenai keharusan berhutang wang atau makanan dan membeli sesuatu secara hutang berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 282. Dalam hadith di atas, Rasulullah SAW membeli unta Jabir secara hutang dan menjelaskan bayaran unta tersebut setibanya di Madinah. Begitu juga pembelian makanan daripada seorang Yahudi dengan cagaran baju besi Baginda juga secara penangguhan bayaran. Ibn al-Mulaqqin (1429H/2008:15:399) kemudian membawa hadith Nabi SAW riwayat al-Hakim bahawa sabda Nabi SAW “*Aku tidak membeli jika aku tiada wang*” dan juga daripada Aishah yang juga mengamalkan belian secara hutang, yang mana beliau mendengar Nabi SAW bersabda, “*Mana-mana orang yang mempunyai niat untuk menunaikan hutangnya,*

melainkan dia mendapat bantuan daripada Allah, maka aku melazimi akan bantuan tersebut” (al-Hakim, t.th. 2: 29. No. hadith 2209).

Peristiwa ini menggambarkan bahawa kedudukan azam dan niat amat tinggi dalam Islam sehingga ia mengiktiraf keharusan berhutang bagi orang yang memerlukan selagi mana ia mempunyai niat yang tulus untuk menjelaskan hutang sekalipun tidak berkemampuan (Izzudin et. al, 2017).

Subtajuk Kedua

Bagi subtajuk kedua pula, hadith no. 2387 berkenaan dengan keazaman atau niat penghutang untuk membayar hutangnya kelak, Ibn al-Munayyir menjelaskan, “Judul bab ini memberi andaian bahawa perbahasan sebelumnya berkait dengan pengetahuan akan kemampuan untuk melunasi hutang. Sebab apabila seseorang mengetahui dirinya tidak mampu, bererti dia telah mengambil barang orang lain tanpa ingin melunasinya, kecuali hanya sekadar harapan untuk melunasinya, dan harapan ini berbeza dengan kehendak atau keinginan”.

Ibn Hajar al-‘Asqalani menyebut bahawa pernyataan ini perlu diteliti kembali dan beliau mengulas kenyataan Ibn al-Munayyir di atas dengan menyatakan bahawa apabila seseorang itu berniat untuk membayar hutang dengan apa yang diberikan oleh Allah SWT, maka hadith tersebut telah menyatakan bahawa Allah akan menolongnya untuk membayar hutangnya sama ada dibukakan rezeki kepadanya di dunia atau dia akan menanggung hutang tersebut di akhirat. Oleh itu tidak ada ketentuan yang berkait dengan kemampuannya pada hadith tersebut. Apabila pernyataannya diterima, maka di sana terdapat tahap ketiga iaitu orang yang tidak tahu apakah dia mampu membayar hutang atau tidak (al-‘Asqalani, t.th. 5: 54).

Memang jelas ada beberapa hadith Nabi SAW sebagaimana riwayat Ibn Majah dalam *Kitab al-Sadaqat*, no. hadith 2408 (t.th. 411), “*Tiada seseorang yang mempunyai hutang, Allah SWT mengetahui bahawa dia berniat untuk membayarnya, maka Allah SWT akan menunaikan pembayaran hutangnya di dunia*”. Begitu juga riwayat imam Ahmad (1995. 18: 543) menjelaskan: “*Daripada ‘A’ishah r.a, sesungguhnya dia telah berkata: telah bersabda Rasulullah SAW: “Sesiapa daripada umatku yang memikul beban hutang, kemudian dia bekerja keras untuk membayarnya, lalu dia meninggal dunia sebelum dibereskannya, maka aku sebagai walinya.”*

Daripada contoh dua hadith di atas, dapat difahami bahawa ketika seseorang itu berhutang dengan niat yang baik (dengan niat akan membayar hutangnya kelak), dan kemudian dia bekerja keras serta berusaha untuk membayar hutang tersebut, maka Allah SWT akan mempermudahkannya untuk melunaskan hutang tersebut. Dalam konteks kesamaan dan perbezaan pandangan dalam kalangan para ulama, jelasnya bahawa para ulama saling mengkritik pandangan sesama mereka sama ada sezaman atau sebelumnya dalam usaha memberikan kefahaman yang lebih tepat mengenai sesuatu isu yang dibincangkan.

Subtajuk Ketiga

Bagi subtajuk ketiga pula, hadith no. 2395, Bab Apabila dibayar kurang dari jumlah hutang atau dia menghalalkannya ia diperbolehkan atau dapat difahami sebagai Bayaran hutang kurang daripada jumlah asal. Didapati Ibn al-Munayyir menyebutkan bahawa riwayat yang memakai kata ‘*atau*’ bahawa yang dimaksudkan adalah apabila yang dibayar kurang daripada jumlah hutang dengan kerelaan pemilik hutang atau pemiutang, atau pemiutang menghalalkan (membebaskan) orang yang berhutang itu seluruh hutangnya, maka semua itu diperbolehkan. Kata Ibn al-Munayyir: Yang dimaksudkan dengan perkataan (*aw hallalu*), iaitu menghalalkannya yakni menghapuskan hutang itu keseluruhannya darinya iaitu pemiutang. Imam al-Bukhari (1990: 273) di sini menjelaskan bahawa harus melunaskan sebahagian hutang dan menghapuskannya sebahagian lagi.

Sementara Ibn Hajar al-‘Asqalani (t.th. 5: 59) ketika mengulas tajuk bab di atas menukikan kata-kata Ibn Battal, “Demikian judul bab ini yang tercantum pada semua

naskah, padahal yang benar adalah dengan redaksi (*aw hallalhu*) 'dan menghalalkannya'. Ibn Hajar al-'Asqalani melihatnya pada riwayat Abu 'Ali bin Sibawayh dari al-Firabri dengan kata (*wa*) 'dan', manakala riwayat al-Nasafi dari Imam al-Bukhari dalam *Mustakhrij al-Isma'ili* ditulis dengan kata (*aw*) 'atau'. Ibn Hajar al-'Asqalani ketika mengulas hadith di atas, antara lain memuatkan pandangan Ibn Battal yang menyatakan boleh membayar kurang daripada jumlah hutang tanpa diikuti dengan penghalalan (penghapusan hutang). Seandainya seseorang menghalalkan (membebaskan) orang yang berhutang daripada seluruh hutangnya, ia juga dibolehkan menurut pendapat seluruh ulama.

Tegasnya, terdapat keselarisan pemahaman antara pada Ibn Battal, Ibn al-Munayyir dan Ibn Hajar al-'Asqalani dalam perkara ini.

Subtajak Keempat

Subtajak keempat adalah Bab Apabila hutang dengan hutang atau melunasi hutang, kurma dengan kurma atau selainnya tanpa ditakar, hadith no. 2396 yang menyebutkan bahawa ayah Jabir iaitu 'Abd Allah meninggal dunia dengan meninggalkan hutang wang sebanyak 30 *wasaq* pada seorang lelaki Yahudi dan lelaki Yahudi tersebut enggan memberikan penangguhan pelunasan hutang kepada Jabir selaku waris si mati. Rasulullah SAW mencadangkan kepada lelaki Yahudi itu agar mengambil kurma di kebun Jabir sebagai bayaran hutang tersebut namun beliau enggan menerima cadangan tersebut. Akhirnya Jabir membayar hutang tersebut sebanyak 30 *wasaq* dan masih ada bakinya sebanyak 17 *wasaq*.

Ibn al-Muhallab menyebut bahawa para ulama tidak membenarkan pemilik hutang dalam bentuk kurma mengambil bayaran kurma tanpa beliau menimbang atau menyukatnya terlebih dahulu. Jika tidak ia mengandungi unsur penipuan dan tidak diketahui kadarnya. Yang dibenarkan adalah pemilik hutang mengambil haknya yakni hutangnya itu tanpa ditakar tetapi lebih sedikit daripada hutang yang diberikan jika dia mengetahui dan merelakannya. Seolah-olah maksud beliau hendak mengkritik judul bab yang dinyatakan oleh imam al-Bukhari, sedangkan maksud imam al-Bukhari adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh pengkritik, bukan yang dinafikannya. Apa yang dimaksudkan oleh imam al-Bukhari menurut Ibn Hajar ialah dalam pelunasan hutang diperbolehkan apa yang tidak diperbolehkan dalam jual beli tunai, kerana jual secara barter kurma basah dengan kurma kering secara tidak tunai adalah tidak diperbolehkan kecuali pada jual beli '*ariyah*'. Namun, jual beli secara barter dengan cara di atas diperbolehkan dalam melunaskan hutang (al-'Asqalani, t.th. 5: 60).

Al-Dimyati menurut Ibn Hajar memetik pandangan al-Muhallab lalu mengkritiknya dengan mengatakan ia tidak benar dengan alasan sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Muhallab. Ibn al-Munayyir kemudiannya mengkritik pandangan al-Dimyati yang mengatakan pandangan al-Muhallab itu tidak benar. Lalu Ibn al-Munayyir mengkritik pandangan al-Dimyati dengan berkata, "Menjual sesuatu yang diketahui dan sesuatu yang belum diketahui adalah termasuk dalam jual beli *muzabanah*, (menjual buah-buahan tertentu seperti kurma segar dengan kurma kering atau kismis dengan anggur dalam bentuk takaran) apabila sesuatu itu adalah kurma, termasuk juga *muzabanah* dan riba. Akan tetapi yang demikian itu, diperbolehkan dalam pelunasan hutang kerana adanya perbezaan antara barang yang ditukarkan dalam perkara hutang piutang sudah dapat dipastikan. Oleh kerana itu, ia tidak dimasukkan dalam cakupan jual beli *muzabanah*" (al-'Asqalani, t.th. 5: 60).

Subtajak Kelima

Bagi hadith 2402, Bab Apabila seseorang mendapatkan hartanya daripada penghutang, baik kerana jual beli, hutang piutang atau titipan, maka dia lebih berhak terhadapnya pula. Ibn al-Munayyir berkata, "Kemungkinan imam al-Bukhari memasukkan ketiga perkara tersebut dalam satu judul bab adalah kerana hadith yang beliau sebutkan bersifat mutlak (tanpa batasan) atau kerana hadith itu berbicara mengenai jual beli, sehingga mengambil

barang yang dititipkan atau dihutangkan itu lebih pantas daripada mengambil barang yang dijual beli sebab barang titipan itu hak miliknya belum dipindahkan, dan memelihara pelunasan hutang dengan cara yang baik adalah sesuatu yang amat dianjurkan". Lafaz Imam al-Bukhari 'kerana jual beli' merupakan isyarat terhadap lafaz yang tercantum pada sebahagian jalur periwayatan hadith. Manakala lafaz 'dan hutang-piutang' diqiyyaskan kepada jual beli atau kerana ia termasuk dalam keumuman hadith sebagaimana perkataan Imam al-Shafi'i.

Subtajuk Keenam

Hadith 2403 iaitu bab menjual harta orang yang muflis atau orang yang tidak memiliki harta lalu dibahagikan antara pemiutang atau diberikan kepadanya hingga membelanjakan untuk dirinya. Dalam bab ini disebutkan hadith tentang budak yang dijanjikan untuk dimerdekakan sepeninggalan tuannya. Ibn al-Munayyir menanggapi pernyataan Ibn Battal dengan katanya, "Kerana adanya kemungkinan Nabi SAW menjual budak tersebut untuk kepentingan pemilik barang, seperti yang disebut oleh Ibn Battal, atau kepentingan orang yang berpiutang, dan harta mereka yang berpiutang boleh sahaja diberikan oleh imam atau diserahkan kepada mereka untuk dibahagi-bahagi, maka Imam al-Bukhari membuat judul dengan dua sub tajuk meskipun salah satunya tidak masuk pada yang lain.

Sebab jika dijual untuk kepentingan pemilik barang, maka menjualnya untuk mereka yang berpiutang adalah lebih baik". Nampaknya judul bab tersebut dibuat tanpa memperhatikan urusan pasangan setiap kalimah, kerana seharusnya adalah "Menjual Harta Orang Yang Muflis, lalu membahagikannya antara orang yang berpiutang dan menjual harta orang yang tidak memiliki apa-apa lalu diberikan kepadanya untuk nafkah dirinya" (Ibn al-Munayyir, 1990: 276 & al-Kandahlawi, 2012. 5: 28).

Ibn Hajar menjelaskan bahawa kata 'aw' atau yang disebutkan dua kali dalam tajuk bab berfungsi menunjukkan jenis, lalu salah satu dari kedua persoalan itu tidak masuk pada yang lainnya seperti yang diperkatakan oleh Ibn al-Munayyir.

Subtajuk Lain

Penelitian terhadap kedua-dua edisi *al-Mutawari* menegaskan bahawa hanya enam tajuk sahaja yang dimuatkan oleh Ibn al-Munayyir dalam *Kitab al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun*. Namun begitu, terdapat juga penjelasan Ibn al-Munayyir mengenai tajuk-tajuk lain dalam *Kitab al-Istiqrad* tetapi penulis tidak menemui sumbernya namun ia dinukilkan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dan al-Kandahlawi.

Antaranya pertama, seperti penjelasan terhadap hadith no 2389, *Bab Ada' al-Duyun*. Ibn Hajar al-'Asqalani (t.th. 5: 55) dan al-Kandahlawi (2012. 5: 21) mengemukakan pandangan Ibn al-Munayyir dalam kitab masing-masing, iaitu "Imam al-Bukhari memasukkan hutang sebagai amanah kerana adanya perintah untuk menunaikannya sebab yang dimaksudkan dengan amanah pada ayat itu adalah amanah yang disebutkan dalam al-Quran Surah al-Azhab, 33:72. Lalu amanah di tempat itu ditafsirkan dengan perintah dan larangan, termasuk semua yang berkaitan dengan *dhimma* (tanggungjawab) dan yang tidak berkaitan dengannya".

Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan ada kemungkinan amanah yang dimaksudkan di sini dapat difahami dengan makna zahir iaitu apabila Allah SWT memerintahkan untuk menunaikan amanah padahal tidak berkaitan dengan *dhimma*, maka segala sesuatu yang ada kaitan dengannya sudah tentu lebih utama untuk ditunaikan.

Kedua, hadith no 2397, Bab Berindung Dari Hutang. Ibn Hajar al-'Asqalani menyebutkan bahawa riwayat hadith ini telah dibincangkan dengan sanad dan matan yang sama di akhir perbahasan mengenai sifat solat. Adapun pemaparannya di sini (yakni dalam bab ini) merupakan lafaz jalur periwayatan imam al-Bukhari yang kedua. Oleh yang demikian, beliau menukikan kata-kata al-Muhallab bahawa dapat disimpulkan daripada hadith ini mengenai *sadd al-dhara'i'* (menutup pintu kerosakan) kerana beliau berindung

daripada hutang yang mana secara umumnya hutang dapat menjurus kepada sikap dusta dan tidak menepati janji, sedangkan pemilik hutang memiliki hak untuk menagihnya.

Ada pula kemungkinan maksud berlindung daripada hutang adalah berlindung daripada faktor-faktor yang menyebabkan seseorang harus berhutang sehingga tidak terjerumus ke dalam perbuatan buruk tersebut, atau tidak mampu membayarnya sehingga membawa kesan buruk kepadanya. Atas dasar inilah barangkali kata Ibn Hajar rahsia mengapa Imam al-Bukhari menyebutkan judul bab secara mutlak. Manakala Ibn al-Munayyir mengatakan, "Tiada pertentangan antara memohon perlindungan daripada hutang dengan bolehnya berhutang, sebab yang diminta perlindungan adalah akibat buruk yang timbul daripadanya, maka Allah telah menyelamatkannya daripada keburukan itu, dan dia dapat melakukan perbuatan yang diperbolehkan itu" (al-'Asqalani, t.th. 5: 61 & al-Kandahlawi, 2012. 5: 25).

Ketiga, hadith 2398 & 2399. Tajuk bab adalah mensolati orang yang meninggal dan masih mempunyai hutang. Ibn al-Munayyir berkata, "Maksud imam al-Bukhari dengan judul bab ini adalah bahawa hutang tidak menjadikan seseorang cacat agamanya dan maksud berlindung daripada hutang adalah disebabkan dampak buruk yang dikhuatirkan daripada hutang itu" (al-'Asqalani, t.th. 5: 61). Imam al-Bukhari menyebutkan hadith, "*Sesiapa yang meninggalkan hutang maka hendaklah dia mendatangkiku*". Lalu mengisyaratkan dengan lafaz pada akhir hadith iaitu Nabi SAW tidak mensolati orang yang meninggalkan hutang. Apabila pembukaan wilayah-wilayah Islam yang lain, Nabi SAW mensolatinya.

Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t.:4:474) membincangkan tema ini dalam *Kitab al-Kafalah* di bawah bab sesiapa memberi jaminan atas hutang si mati, maka tiada hak baginya untuk mencabut kembali, demikian pendapat al-Hasan dengan no. hadith 2295 dan 2296. Ertinya apabila seseorang mati dan meninggalkan hutang, hutang itu perlu diambil tanggungjawab dan dilunaskan oleh orang lain.

Penjelasan terhadap tarjuman atau tajuk Bab di atas iaitu '*Sesiapa yang memberi jaminan atas hutang mayat, maka tiada hak baginya untuk mencabut kembali. Demikian pendapat al-Hasan*' dapat dilihat mempunyai dua kemungkinan. Pertama, dia tidak berhak mengundurkan diri untuk memberi jaminan, bahkan hal ini telah menjadi kewajipan serta tanggungannya. Kedua, dia tidak berhak untuk menuntut ganti rugi dari harta peninggalan si mati senilai jumlah hutang yang berada dalam tanggungannya. Justeru, bagi Ibn Hajar, makna pertama lebih menepati dengan apa yang dimaksudkan oleh Imam al-Bukhari.

PENUTUP

Walaupun nama Ibn al-Munayyir tidak segah dan semasyhur para ulama yang sezaman dengannya, namun beliau tetap memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada perkembangan ilmu khususnya dalam bidang hadith dan fiqh hadith. Pandangan beliau dalam bidang hadith termasuk tarjuman bab ini menjadi sebahagian daripada sumber rujukan beberapa ulama yang mengulas kitab *Sahih al-Bukhari* seperti Ibn Hajar al-'Asqalani (w852H) dan juga era moden seperti Maulana Zakaria al-Kandahlawi al-Hanafi (w1982) dan maulana Anwar al-Kashmiri al-Hanafi (w1352H) sekalipun Ibn al-Munayyir bermazhab Maliki.

Ia menunjukkan keterbukaan para ulama di sepanjang zaman yang merentasi sempadan mazhab. Kesungguhan Ibn al-Munayyir memberikan maksud atau tarjuman bab kepada tema-tema hadith yang diletakkan oleh Imam al-Bukhari jelas terbukti usaha kegigihannya untuk membantu ummah dalam menerangkan maksud yang dikehendaki oleh imam al-Bukhari dan Rasulullah SAW sendiri selaku empunya sabda tersebut.

Dalam konteks pemikiran hutang yang ditelusuri menerusi karyanya, *al-Mutawari*, Ibn al-Munayyir meringkaskan tajuk-tajuk bab dalam *Kitab al-Istiqrad wa Ada' al-Duyun*, *Sahih al-Bukhari* yang sebanyak 20 bab kepada enam bab sahaja dengan memaparkan empat tema besar iaitu perihal berhutang, pelunasan hutang, penahanan hutang dan muflis. Tegasnya, bagi pemilihan tajuk-tajuk bab dan hadith-hadith di atas mencerminkan

kesungguhan beliau dalam rangka memberikan kefahaman yang tepat terhadap maksud pemikiran hadith Imam al-Bukhari, yang dituangkan dalam Sahih al-Bukhari.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abu Nu'aim Muhammad Fayd Allah al-Waliburi al-Qasimi. 2004. *Bahjat al-Qari li Hil Sahih al-Bukhari*. Bangladesh: Ibn Shihab al-Din al-Qasimi.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1995. *Al-Musnad*. Jil. 17. No. hadith 25089. Mesir: Dar al-Hadith.

Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani. T.th. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Baz. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah.

Al-'Ayni, Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad. 2001. *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq 'Abd Allah Mahmud Muhammad 'Umar. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. 1400H. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq Muhib al-Din al-Khatib *et. al.* Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah.

Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. 1403H. *Sahih al-Bukhari*. Tahqiq Muhib al-Din al-Khatib *et. al.* Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah.

Al-Dihlawi, al-'Arif al-Rabbani Ahmad bin al-Rahim masyhur dengan Mawlana Shah Wali Allah al-Dihlawi. 1995. *Risalah Sharh Tarajim Abwab Sahih al-Bukhari*. cet. 5. Hyderabad: Matba'ah Majlis Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah.

Al-Hakim, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naisaburi. T.th. *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*. Tahqiq Mustafa 'Abd al-Qadir al-Bugha. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Kandahlawi, Al-'Allamah Muhammad Zakariya bin Yahya. 1992. *Al-Abwab wa al-Tarajim li Sahih al-Bukhari*. Tahqiq Wali al-Din Taqi al-Din al-Nadwi. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

Al-Kashmiri, al-Shaykh Muhammad Anwar al-Deobandi. 2005. *Fayd al-Bari 'Ala Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Kirmani, Hamid al-Din Abu al-Hasan Ahmad bin 'Abd Allah. 1981. *Sahih al-Bukhari bi Sharh al-Kirmani*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Al-Tibi, 'Ukashah 'Abd al-Mannan al-Tibi. 1998. *Fiqh al-Imam al-Bukhari min Fath al-Bari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn al-Mulaqqin, Siraj al-Din Abu Hafs 'Umar bin 'Ali bin Ahmad al-Ansari al-Shafi'i, 2008. Tahqiq Khalid al-Ribat & Jumu'ah Fathi. Qatar: Wuzarah al-Awqaf wa Shu'un al-Islamiyyah.

Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Tahqiq Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.

Izzuddin Abdul Aziz, Ahmad Azrin Adnan & Nor Asmat Ismail. 2017. Fenomena Keberhutangan di Zaman Rasulullah. *Jurnal 'Ulwan*. Vol. 1: pp.143-177.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.